

Bolehkah saya menggunakan Medisave saya untuk membayar rawatan OPAT?

- Ya, anda boleh menggunakan Medisave anda untuk membayar rawatan tertentu. Ini tertakluk kepada had tahunan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan dan mana-mana peraturan lain yang berkenaan.
- Anda boleh menyemak dengan jururawat OPAT kami jika anda mempunyai sebarang pertanyaan.

Jika anda mempunyai sebarang masalah dengan rawatan anda, sila hubungi doktor, farmasi atau jururawat klinik anda.

Di Mana Kami Berada?

Pusat Perubatan TTSH, Basement 2



Klinik Suntikan Antibiotik di Luar Rumah Sakit (OPAT)

Pusat Kesihatan (Medical Centre) TTSH,
Tingkat B2

Telefon:

6357 2320 (Klinik OPAT)
6357 7000 (Talian Utama)

Perpustakaan Kesihatan TTSH



Sila imbas kod QR di atas
untuk mengakses
Perpustakaan Kesihatan TTSH

OPAT



Sila imbas kod QR di atas
untuk mengakses salinan
lembut risalah ini

Adakah maklumat ini membantu
anda? Jika anda ada sebarang
maklum balas, sila hantarkan emel
kepada
patienteducation@ttsh.com.sg



Tan Tock Seng
HOSPITAL

National Healthcare Group



National Centre for
Infectious Diseases
National Healthcare Group

© Hospital Tan Tock Seng, Singapura 2022. Hakcipta terpelihara.
Semua maklumat benar pada Jun 2022. Tidak dibenarkan mengeluarkan
ulang, menyalin atau memindahkan mana-mana bahagian dokumen
ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara sekalipun sebelum
mendapat keizinan bertulis daripada Hospital Tan Tock Seng. Semua
maklumat dalam dokumen ini merupakan panduan sahaja, dan tidak
menggantikan nasihat atau pendapat yang diberikan oleh doktor anda
atau ahli profesional kesihatan yang lain.

PECC-IDS-ED-2022-1434M-v2

JABATAN PENYAKIT BERJANGKIT

Suntikan Antibiotik di Luar Rumah Sakit (OPAT)



Apakah OPAT?

Suntikan Antibiotik di Luar Rumah Sakit (OPAT) membolehkan anda meneruskan rawatan antibiotik intravena (dalam urat) yang diarahkan oleh doktor anda di OPAT klinik dalam Hospital Tan Tock Seng atau di rumah anda.


Klinik OPAT menawarkan peluang kepada pesakit untuk menyelesaikan rawatan antibiotik dengan selamat dan selesa tanpa bermalam di hospital.

Apakah yang Terlibat Sebelum Rawatan OPAT Anda?

- Rujukan doctor anda kepada OPAT
- Penilaian oleh doktor OPAT tentang kesesuaian anda untuk rawatan. Pilihan rawatan seperti berikut:
 - OPAT di klinik
 - OPAT di rumah anda
 - OPAT daripada penjaga anda
- Jika anda layak, jururawat OPAT akan menasihati anda tentang bayaran rawatan, tuntutan Medisave, lawatan masa depan dan sebagainya.

Apakah yang Anda Perlukan untuk Rawatan OPAT?

- Menerima rawatan OPAT melalui Kanula; atau
- Kateter Pusat yang dimasukkan secara Periferal (PICC): satu tiub khas yang dimasukkan ke dalam urat di lengan anda. Rawatan menggunakan cara PICC mengurangkan risiko jangkitan berbanding dengan kanula intravena dalam tangan anda.
- Antibiotik:
Preskripsi antibiotik anda akan disediakan secara khusus yang disalurkan melalui PICC sementara anda meneruskan kegiatan sehari-hari.



Kateter pusat yang dimasukkan secara periferal (PICC)

- Cuti Masuk Hospital:
Sijil Cuti Masuk Hospital akan diberikan semasa menjalani rawatan OPAT

Apakah Risiko Berpotensi dan Langkah Pencegahannya?

Risiko rawatan OPAT:

1. Jangkitan anda yang sedang dirawati mungkin bertambah teruk semasa rawatan OPAT

Langkah Pencegahan

- Anda akan dimasukkan semula ke hospital untuk pemeriksaan lanjut jika perlu.
2. Anda mungkin mengalami ruam, rasa ingin muntah dan cirit-birit daripada antibiotik yang diberikan.

Langkah Pencegahan

- Anda mungkin memerlukan penukaran antibiotik atau dimasukkan semula ke hospital.
- Anda akan menerima dos antibiotik yang pertama di hospital supaya dapat mengawasi sebarang kesan sampingan yang serius daripadanya.

- Anda harus menjalani ujian darah setiap minggu untuk mengawasi sama ada antibiotik itu mengakibatkan sebarang kesan sampingan kepada kiraan sel darah, fungsi buah pinggang atau hati anda, serta menilaikan tindak balas anda terhadap rawatan antibiotik tersebut.

3. PICC anda mungkin tersumbat, dijangkiti atau tertanggal dengan tidak sengaja.

Langkah Pencegahan

- Pakar radiologi akan membantu untuk membersihkan penyumbatan.
- PICC anda akan diperiksa setiap kali anda melawat supaya kami dapat mengesan kemungkinan jangkitan awal.

Berapa Kerapkah anda Perlu Kembali untuk Pemeriksaan?

- Jururawat OPAT anda akan mengatur lawatan masa depan anda bergantung pada antibiotik yang ditentukan. Biasanya, pada setiap hari/setiap dua hari/setiap minggu termasuk hujung minggu dan cuti umum.
- Doktor juga akan berjumpa anda setiap minggu jika jururawat terkesan sesuatu masalah.

Apakah yang akan Berlaku Selepas Anda Selesai dengan Rawatan OPAT Anda?

- Satu temu janji akan diaturkan untuk berjumpa dengan doktor yang merujukkan anda kepada OPAT atau seorang Pakar Penyakit Berjangkit untuk rawatan susulan.
- Anda juga mungkin perlu menjalani ujian darah dan ultrasound/imbasan, dan diberi antibiotik secara oral apabila anda kembali untuk pemeriksaan.